

PSB - Bahagian Arkib

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, 25 April, 2019 10:29 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: "KMPG Career Tour" Dedah Mahasiswa Perakaunan Persediaan Kerjaya Dari Perspektif KPMG



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

25 APRIL 2019 / 19 SYAABAN 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz

"KMPG CAREER TOUR" DEDAH MAHASISWA PERAKAUNAN PERSEDIAAN KERJAYA DARI PERSPEKTIF KPMG



UUM ONLINE: Seramai 97 pelajar perakaunan semester akhir telah menghadiri program “KPMG Career Tour” anjuran Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA-UUM) di DKG 1/6 baru-baru ini.

Program jelajah kerjaya ini bertujuan memberi kefahaman kepada pelajar tentang kebolehan dan kompetensi yang perlu ada pada graduan baharu perakaunan dari perspektif KPMG.

Selain itu, pelajar juga didedahkan mengenai penyediaan resume yang ringkas dan padat mengikut kehendak pihak KPMG.

Program ini dibahagikan kepada dua sesi iaitu sesi pertama berkaitan penulisan resume yang dikendalikan oleh Pengurus Permerolehan Bakat KPMG Malaysia, Adrian Loo.

Sementara sesi kedua adalah perkongsian maklumat mengenai kebolehan dan kompetensi bagi graduan baharu perakaunan yang disampaikan oleh Pengurus Audit KPMG Malaysia, Muhamad Danial Mohd Ismail.

Menurut beliau, di antara kebolehan dan kompetensi yang diperlukan ialah kemahiran komunikasi secara bertulis dan lisan, interpersonal, penyelesaian masalah dan kerja berpasukan yang baik; pengurusan masa yang baik; pengetahuan asas perakaunan dan kecekapan teknologi.

Kedua-dua sesi ini disusuli dengan sesi soal jawab. Program ini turut dihadiri oleh Dr. Mudzamir Mohamad, Prof. Madya Dr. Akilah Abdullah dan Dr. Hazeline Ayoup dari TISSA-UUM.

KPMG merupakan rangkaian global firma profesional yang menyediakan khidmat audit, cukai, dan khidmat nasihat. KPMG beroperasi di 155 buah negara dan mempunyai lebih 162,000 orang yang bekerja dalam firma ahli di seluruh dunia.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.